



Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
Malaysian National Co-operative Movement
Didaftarkan di Bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502]
(No. Pendaftaran: 4630)

UNDANG-UNDANG KECIL

**UNDANG-UNDANG KECIL
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
(ANGKASA)**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

MUKADIMAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

1. Tajuk dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran
3. Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

**BAHAGIAN II
NAMA, ALAMAT YANG DIDAFTARKAN DAN KAWASAN OPERASI**

4. Nama
5. Alamat yang didaftarkan
6. Tahun kewangan
7. Kawasan operasi

**BAHAGIAN III
MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI**

8. Matlamat
9. Fungsi
10. Aktiviti

**BAHAGIAN IV
KEANGGOTAAN, HAK, KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN**

11. Keanggotaan
12. Permohonan menjadi koperasi anggota
13. Perolehan hak dan kewajipan Anggota
14. Penarikan diri
15. Menandatangani Akuan

16. Pemberian Undang-undang Kecil ini
17. Terhenti keanggotaan
18. Penggantungan dan penamatan koperasi anggota

BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN ANGKASA

19. Mesyuarat Agung
20. Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA
21. Mesyuarat Agung Perwakilan Khas
22. Fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA
23. Koperasi Anggota yang layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA
24. Perwakilan Koperasi Anggota
25. Notis Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA
26. Kuorum Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA
27. Kelayakan untuk menjadi anggota Lembaga ANGKASA
28. Undi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA
29. Usul Koperasi Anggota
30. Minit Mesyuarat Agung Perwakilan
31. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas
32. Lembaga ANGKASA
33. Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga ANGKASA
34. Terhenti menjadi Anggota Lembaga ANGKASA
35. Penggantungan dan Penamatan Anggota Lembaga ANGKASA
36. Pelucutan jawatan Anggota Lembaga ANGKASA
37. Penamatan pelantikan Anggota Lembaga ANGKASA
38. Penggantungan jawatan pegawai Koperasi
39. Peletakan jawatan Anggota Lembaga ANGKASA
40. Pengisian Kekosongan Jawatan Anggota Lembaga ANGKASA
41. Kuasa dan Tanggungjawab Presiden dan Timbalan Presiden
42. Penzahiran kepentingan
43. Kuasa dan kewajipan Lembaga ANGKASA
44. Mesyuarat Lembaga ANGKASA
45. Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan
46. Jawatankuasa ANGKASA Negeri
47. Jawatankuasa Audit Dalaman

**BAHAGIAN VI
KEWANGAN ANGKASA**

- 48. Wang dan kumpulan wang ANGKASA
- 49. Pinjaman dan deposit
- 50. Simpanan khas
- 51. Pelaburan
- 52. Pemberian pinjaman oleh Koperasi

**BAHAGIAN VII
PELBAGAI**

- 53. Aturan
- 54. Keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA
- 55. Pertukaran alamat anggota
- 56. Dokumen dan Akaun Bank
- 57. Resit dan baucar
- 58. Ikrar sebagai Lembaga ANGKASA
- 59. Pertikaian
- 60. Keanggotaan dalam badan lain
- 61. Pembubaran
- 62. Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil
- 63. Hubungan dengan Aturan
- 64. Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota
- 65. Penyediaan dokumen untuk diperiksa
- 66. Penyerahan tugas
- 67. Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili ANGKASA
- 68. Pemeliharaan kerahsiaan
- 69. Mohor ANGKASA
- 70. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

**UNDANG-UNDANG KECIL
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
(ANGKASA)**

MUKADIMAH

BAHAWASANYA

- A:** Menurut Pemberitahuan Undang-Undang B 215 Tahun 1996 [*P.U.(B) 215/96*] (lihat Jadual Pertama dalam Undang-undang Kecil ini), Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab pembangunan koperasi telah pada tanggal 23 Mei 1996 mengisytiharkan ANGKASA sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- B:** Demi mendokong aspirasi pergerakan koperasi dan untuk merealisasikan matlamat dan fungsi ANGKASA serta memperjuangkan prinsip koperasi, Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA membuat Undang-undang Kecil ini;

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Tajuk dan mula berkuatkuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan **Undang-undang Kecil Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)** atau tajuk ringkasnya Undang-undang Kecil ANGKASA atau Undang-undang Kecil ini.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

2. (1) Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa dan termasuk Peraturan, Arahan dan Garis Panduan;

“**anggota**” berhubungan dengan keanggotaan ANGKASA, ertinya mana-mana koperasi sama ada koperasi asas, koperasi menengah atau koperasi atasan yang menjadi anggota ANGKASA menurut Akta dan Undang-undang Kecil ini dan disebut sebagai koperasi anggota dalam Undang-undang Kecil ini;

“**ANGKASA**” ertinya Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad;

“**Arahan**” ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada ANGKASA dari semasa ke semasa;

“**Aturan**” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta, peraturan-peraturan, garis panduan, Undang-undang Kecil, arahan Suruhanjaya dan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA;

“**Bahagian**” ertinya sesuatu bahagian, jabatan, unit, seksyen, pejabat, cawangan atau mana-mana bahagian yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA;

“**bajet**” ertinya belanjawan tahunan;

“**bayaran tugas**” ertinya upah yang dibayar kepada mana-mana Lembaga ANGKASA atau Jawatankuasa sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada ANGKASA berhubungan dengan sesuatu tugas rasmi yang bukan secara tetap;

“**Bahagian Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA)**” ertinya Bahagian yang menjalankan urusan Kemudahan BPA;

“**elaun**” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

“**Fi Masuk**” ertinya fi atau bayaran masuk menjadi koperasi anggota yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“**Garis Panduan**” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada ANGKASA dari semasa ke semasa;

“**Hibrid**” ertinya kaedah pelaksanaan Mesyuarat Agung Perwakilan secara gabungan di antara maya dan mesyuarat secara fizikal dengan kehadiran anggota. Mesyuarat yang sama juga disiarkan dalam talian dan anggota diberi pilihan untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat dari jarak jauh atau dalam talian.

“**Jawatankuasa**” ertinya mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan menurut Undang-undang Kecil ini atau Aturan;

“**Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan**” atau “**JMDM**” ertinya suatu Jawatankuasa yang bertanggungjawab menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan;

“**Jawatankuasa ANGKASA Negeri**” ertinya suatu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa ANGKASA Negeri;

“**Juruaudit Luar**” ertinya juruaudit yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 22;

“**kawasan operasi**” ertinya kawasan di mana ANGKASA dibolehkan mendapat anggotanya;

“**Kemudahan BPA**” ertinya perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh ANGKASA berhubung dengan urusan potongan gaji anggotanya atau orang lain yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA;

“**kesalahan boleh daftar**” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA atau nama lain yang ditentukan Lembaga ANGKASA;

“**Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan**” ertinya Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan ANGKASA atau nama lain yang ditentukan Lembaga ANGKASA;

“**Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan**” ertinya Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan ANGKASA atau nama lain yang ditentukan Lembaga ANGKASA;

“**Kumpulan**” ertinya sesuatu kumpulan atau mana-mana kumpulan yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA;

“**koperasi**” ertinya suatu pertubuhan orang berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi yang berdaftar di bawah Akta;

“**koperasi anggota**” ertinya mana-mana koperasi yang menjadi anggota ANGKASA;

“**koperasi asas**” ertinya sesuatu koperasi yang didaftarkan di bawah subseksyen 4(1) Akta;

“**koperasi menengah**” ertinya sesuatu koperasi yang didaftarkan di bawah subseksyen 4(2) Akta;

“**koperasi sekolah**” ertinya sesuatu koperasi menurut Akta;

“**Lembaga**” mempunyai erti yang sama dengan “Lembaga” dalam Akta dan

- (a) “Lembaga” berhubung dengan ANGKASA ertinya Lembaga ANGKASA; dan
- (b) “Lembaga” berhubung dengan sesuatu koperasi anggota, ertinya Lembaga koperasi anggota itu;

“**Maya**” ertinya pelaksanaan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA secara maya sepenuhnya iaitu dalam talian tanpa melibatkan tempat pertemuan fizikal Lembaga, pengurusan dan anggota koperasi. Lokasi dalam melaksanakan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA secara maya sepenuhnya hanyalah tempat penyiaran atau *broadcast venue*.

“**Menteri**” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA**” ertinya Mesyuarat Agung Perwakilan yang diadakan sebagaimana menurut perenggan 37(b) Akta;

“**Mesyuarat Agung Perwakilan Khas**” mempunyai erti yang sama dengan mesyuarat agung khas di bawah seksyen 40 Akta;

“**Negeri**” bermaksud suatu negeri di Malaysia, menurut Akta Tafsiran 1948 dan 1967;

“**pegawai**” ertinya “pegawai” berhubung dengan suatu koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**pekerja ANGKASA**” ertinya pekerja ANGKASA yang dilantik untuk berkhidmat dan dibayar gaji termasuklah pengurusan, eksekutif dan kakitangan;

“**pelantikan**” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Peraturan**” ertinya Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**Perwakilan Koperasi Anggota**” ertinya perwakilan yang dilantik dikalangan anggota Lembaga bagi sesuatu koperasi;

“**prinsip koperasi**” termasuklah—

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**sektor**” ertinya klasifikasi koperasi anggota menurut fungsi ekonomi atau sebagaimana yang ditentukan Lembaga ANGKASA;

“**simpanan khas**” ertinya wang yang didepositkan oleh koperasi anggota dengan ANGKASA dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**subsidiari**” ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta Syarikat 2016, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Suruhanjaya**” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*], sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Tempat Penyiaran**” ertinya tempat yang dihadiri oleh anggota bagi memastikan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang diadakan secara maya dapat berjalan dengan lancar;

“**Undang-undang Kecil ini**” ertinya Undang-undang Kecil ANGKASA berdaftar yang dibuat oleh ANGKASA pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang Kecil ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Upah**” ertinya upah pokok dan semua pembayaran lain dengan wang tunai kepada Jawatankuasa ataupun pekerja ANGKASA bagi kerja yang dibuat mengenai kontrak perkhidmatannya;

“**urusan disiplin**” termasuk kuasa untuk memulakan prosiding tatatertib dan surcaj serta kuasa untuk mengenakan hukuman disiplin termasuk –

- (a) berhubungan dengan anggota koperasi anggota, sekatan penyertaan sebagai perwakilan atau kehadiran sebagai pemerhati di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, Mesyuarat ANGKASA Negeri atau mana-mana mesyuarat ANGKASA;
- (b) berhubungan dengan anggota sesuatu Jawatankuasa, hukuman penggantungan atau pemberhentian, oleh kuasa yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil ini dan Akta; atau
- (c) berhubungan dengan pekerja ANGKASA, hukuman amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja;

“**wakil Kementerian**” ertinya wakil Kementerian dalam Lembaga ANGKASA dari –

- (a) Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi koperasi; dan
- (b) Kementerian Kewangan; dan

“**wang berlebihan**” ertinya tertakluk kepada peraturan-peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta.

Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam Undang-undang Kecil ini, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan nahu dan perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.
- (2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.
- (3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II NAMA, ALAMAT YANG DIDAFTARKAN DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, ANGKASA hendaklah dinamakan **Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad** atau singkatannya **ANGKASA**.

Alamat yang didaftarkan

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi ANGKASA ialah di Wisma Ungku A. Aziz, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor atau di mana-mana alamat lain yang ditentukan pada bila-bila masa oleh Lembaga ANGKASA.

- (2) ANGKASA hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya tentang tiap-tiap pertukaran alamat, menurut seksyen 11 Akta dan pemberitahuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari.

Tahun kewangan

6. Tahun Kewangan ANGKASA bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

Kawasan operasi

7. Kawasan operasi ANGKASA ialah seluruh Malaysia.

BAHAGIAN III MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

8. Matlamat ANGKASA sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ialah –

- (a) penggabungan semua koperasi dalam Malaysia;
- (b) memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan pergerakan koperasi;
- (c) memudahkan operasi koperasi anggota; dan
- (d) menggalakan prinsip-prinsip koperasi.

Fungsi

9. Fungsi utama ANGKASA adalah untuk –

- (a) mengembangkan prinsip, amalan koperasi dan bekerjasama dengan Suruhanjaya demi kepentingan Pembangunan koperasi negara;
- (b) memberi nasihat dan bantuan kepada koperasi anggota dalam perjalanan pengurusan perniagaan mereka;
- (c) menggalakkan kajian penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan pergerakan Koperasi;
- (d) menyediakan dan memberi perkhidmatan nasihat dan panduan berkenaan dengan hal pentadbiran, pengurusan, perakaunan, audit, undang-undang, keusahawanan, skim perlindungan sosial termasuk zakat dan wakaf, Kemudahan BPA dan perkhidmatan lain termasuk pengiktirafan untuk kepentingan koperasi anggota dan pergerakan koperasi amnya, dan dengan kelulusan Suruhanjaya memberi akreditasi kepada koperasi;

- (e) membantu Suruhanjaya untuk menggalakkan dan mengembangkan pergerakan koperasi dalam Malaysia selaras dengan apa-apa dasar Kerajaan berhubung dengan koperasi;
- (f) mengambil dayausaha dan inisiatif bagi menggalakkan dan menjalankan aktiviti dalam bidang sosial dan ekonomi pergerakan koperasi dan alam sekitar;
- (g) mengadakan atau menerima dan mentadbir kumpulan wang bagi maksud perniagaan untuk memajukan pergerakan koperasi;
- (h) berkhidmat sebagai pusat tumpuan fikiran mengenai segala perkara yang berkaitan dengan pergerakan koperasi;
- (i) mengumpul segala maklumat berkaitan dengan pergerakan koperasi;
- (j) mempromosi dan mengembang teknik pengurusan dan perniagaan serta penggunaan alat dan teknologi yang canggih; dan
- (k) melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan dan kebajikan termasuk penubuhan pasukan sukarela dalam negara dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya, di luar negara.

Aktiviti

10. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut Undang-undang Kecil ini, ANGKASA boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan-

- (a) menjalankan aktiviti berikut:
 - (i) menganjurkan kongres, konvensyen, perhimpunan, bengkel, taklimat, seminar, kumpulan belajar, lawatan sambil belajar, kursus, ceramah dan sebagainya;
 - (ii) menerbitkan dan mengedarkan akhbar, majalah, filem, dokumentari, buku, risalah dan lain-lain bahan pendidikan dan penerangan termasuklah laporan daripada koperasi anggota;
 - (iii) menggalakkan kerjasama antara koperasi anggota dengan koperasi yang lain dalam Malaysia;
 - (iv) mengambil daya usaha dan inisiatif menggalakkan perdagangan diantara koperasi di dalam dan luar Malaysia;
 - (v) membuat kontrak dan perjanjian usaha sama yang bersifat buka komersial; dan

- (vi) meminjam atau menerima deposit atau simpanan khas daripada koperasi anggota dan dengan kelulusan daripada Suruhanjaya, daripada orang yang bukan anggota koperasi itu;
 - (b) membeli, menjual, memindahkan hakmilik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
 - (c) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta; dan
 - (d) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya.
- (2) Bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1), ANGKASA boleh mendapatkan –
- (a) modal dengan cara deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota; dan
 - (b) pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(1)(e), subseksyen 52(2) Akta dan peraturan-peraturan.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga ANGKASA hendaklah membuat Aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu.

Walau apa pun fasal (3), Suruhanjaya boleh, demi kepentingan ANGKASA, mengarahkan supaya mana-mana Aturan dipinda.

(4) Walau apa pun peruntukan Undang-undang Kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

(5) Dalam menjalankan apa-apa aktiviti yang bersifat perniagaan, ANGKASA hendaklah –

- (a) memastikan bahawa apa-apa aktiviti yang bersifat perniagaan itu memberi kebaikan kepada pergerakan koperasi; dan
- (b) memastikan bahawa apa-apa keuntungan yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang bersifat perniagaan itu digunakan bagi mencapai matlamat dan fungsi ANGKASA khususnya dan pergerakan koperasi amnya.

BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN, HAK, KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN

Keanggotaan

11. Keanggotaan ANGKASA terbuka kepada semua koperasi yang berdaftar di bawah Akta.

Permohonan menjadi koperasi anggota

12. (1) Permohonan untuk menjadi koperasi anggota hendaklah dihantar kepada Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan di dalam borang yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA.

(2) Permohonan menjadi anggota hendaklah diterima tanpa apa-apa sekatan.

(3) Sesuatu koperasi yang diterima menjadi koperasi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

Perolehan hak dan kewajipan Anggota

13. Tiap-tiap koperasi anggota hendaklah selepas diterima menjadi anggota dan membayar Fi Masuk sebagaimana Jadual Kedua telah disifatkan menerima segala hak dan kewajipan yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

Penarikan diri

14. (1) Mana-mana koperasi anggota boleh menarik diri daripada ANGKASA dengan memberi notis secara bertulis tiga puluh hari terlebih dahulu kepada Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan.

(2) Atas sebab yang munasabah, Lembaga ANGKASA boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.

(3) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga ANGKASA, maka keanggotaan koperasi anggota itu hendaklah terhenti hanya pada tarikh genap tempoh notisnya atau pada tarikh koperasi anggota itu menyelesaikan segala hutang-hutang dengan sepenuhnya kepada ANGKASA, mana-mana satu tarikh yang lebih lewat.

(4) Dalam tempoh notis itu, koperasi anggota itu hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai koperasi anggota.

Menandatangani Akuan

15. (1) Tiap-tiap koperasi yang memohon untuk menjadi koperasi anggota hendaklah melalui individu yang diberi kuasa olehnya, menandatangani suatu akuan ikrar dalam bentuk yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA bahawa dia—

- (a) akan terikat dengan Akta, Undang-undang Kecil dan Aturan sedia ada serta apa-apa pindaan yang dibuat dengan sah; dan
- (b) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dibawah Akta dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani akuan ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi koperasi anggota.

Pemberian Undang-Undang Kecil ini

16. (1) Tiap-tiap koperasi anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini.

(2) Naskah tambahan akan dikenakan bayaran.

Terhenti keanggotaan

17. (1) Keanggotaan sesuatu koperasi anggota dalam ANGKASA hendaklah terhenti apabila berlakunya –

- (a) penarikan diri menurut Undang-undang Kecil 14;
- (b) pembatalan pendaftaran koperasi anggota menurut Akta; atau
- (c) penamatan menurut Undang-undang Kecil 18.

(2) Mana-mana koperasi anggota yang keanggotaannya telah terhenti dengan sebab penarikan diri di bawah Undang-undang Kecil 14 boleh memohon semula untuk menjadi koperasi anggota.

(3) Mana-mana koperasi anggota yang ditamatkan dibawah Undang-undang Kecil 18 boleh memohon untuk menjadi anggota semula dengan syarat selepas satu tahun tetapi tidak melebihi tempoh tiga tahun dari tarikh penamatan.

(4) Tertakluk kepada fasal (2) dan (3), sekiranya permohonan menjadi anggota diterima oleh Lembaga ANGKASA, koperasi anggota dikenakan membayar dua kali ganda Fi Masuk yang dijelaskan di Jadual Kedua.

Penggantungan dan penamatan koperasi anggota

18. (1) Sesuatu koperasi anggota hendaklah disifatkan telah bertindak memudaratkan kepentingan ANGKASA atau pergerakan koperasi dan boleh digantung keanggotaannya jika koperasi anggota itu didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai ANGKASA tanpa kebenaran Lembaga ANGKASA;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga ANGKASA atau anggota atau bekas anggota atau pekerja ANGKASA;
- (d) memburuk-burukkan ANGKASA sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan ANGKASA;
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu;
- (f) gagal untuk menzahirkan kepada ANGKASA hakikat kepentingan dan jenis kepentingannya itu menurut Undang-undang Kecil ini; atau
- (g) apa-apa tindakan lain yang ditentukan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA boleh memudaratkan kepentingan ANGKASA atau pergerakan koperasi.

(2) Lembaga ANGKASA boleh menggantung mana-mana koperasi anggota jika majoriti anggota Lembaga ANGKASA berpuas hati bahawa koperasi anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan kepentingan ANGKASA atau pergerakan koperasi menurut fasal (1) Undang-undang Kecil ini.

(3) Tiada sesuatu koperasi anggota boleh digantung melainkan jika koperasi anggota itu telah diberikan peluang untuk didengar di mesyuarat Lembaga ANGKASA.

(4) Sesuatu koperasi anggota yang digantung di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala haknya dalam ANGKASA dan tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah selama tempoh penggantungan itu.

(5) Apa-apa penggantungan keanggotaan di bawah Undang-undang Kecil ini adalah tertakluk kepada pengesahan majoriti koperasi anggota di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.

(6) Pengesahan penggantungan keanggotaan koperasi anggota itu oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa dari tarikh penggantungan koperasi anggota itu.

(7) Selepas pengesahan penggantungan keanggotaan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, keanggotaan koperasi anggota itu hendaklah ditamatkan mulai dari tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu.

(8) Jika penggantungan koperasi anggota di bawah Undang-undang Kecil ini tidak disahkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, koperasi anggota hendaklah mengekalkan keanggotaannya itu, dan apa-apa faedah yang patut diterima oleh koperasi anggota (jika ada) itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

(9) Adalah menjadi tanggungjawab koperasi anggota untuk memastikan anggotanya tidak bertindak memudaratkan kepentingan ANGKASA atau pergerakan koperasi menurut fasal (1) dan tindakan anggota koperasi anggota itu disifatkan perbuatan koperasi anggota dan kegagalan koperasi anggota untuk memastikan anggotanya tidak bertindak sedemikian boleh menyebabkan tindakan penggantungan dan penamatan keanggotaan serta tindakan disiplin lain diambil ke atas koperasi anggota itu.

(10) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi koperasi anggota itu jika koperasi anggota itu membuktikan bahawa –

- (a) anggotanya yang membuat kenyataan atau perbuatan yang memudaratkan kepentingan ANGKASA atau pergerakan koperasi menurut fasal (1), membuat kenyataan atau perbuatan itu tanpa kebenaran koperasi anggota itu; dan
- (b) koperasi anggota itu telah mengambil tindakan disiplin ke atas anggotanya dan tindakan yang ditentukan Lembaga ANGKASA bagi orang yang bukan anggotanya, kedua-duanya dalam masa yang ditentukan Lembaga ANGKASA dan koperasi anggota itu telah menghantar keputusan tindakan disiplin atau tindakan yang ditentukan itu kepada ANGKASA dalam tempoh satu minggu selepas keputusan itu dibuat.

(11) Lembaga ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA boleh membuat apa-apa keputusan berhubung dengan kuasa mereka di bawah Undang-undang Kecil ini tanpa kehadiran koperasi anggota itu dalam mesyuarat Lembaga ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA masing-masing dengan syarat koperasi anggota itu diberitahu mengenai pertuduhan dalam tempoh yang ditentukan dalam Undang-undang Kecil ini dan koperasi anggota itu gagal atau ingkar untuk menghadiri mesyuarat Lembaga ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu.

(12) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara yang jelas berhubung pengendalian penggantungan dan penamatan koperasi anggota termasuk memulakan prosiding, surcaj serta kuasa mengenakan hukuman melalui Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN ANGKASA

Mesyuarat Agung

19. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, perintah, arahan atau garis panduan dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi ANGKASA ini hendaklah terletak hak pada Mesyuarat Agung menurut seksyen 36 Akta yang padanya tiap-tiap koperasi anggota, melalui proksi yang mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(2) Mesyuarat hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA.

Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA

20. ANGKASA hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA menurut perenggan 37(b) Akta, dan diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 39(1) Akta.

Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA

21. (1) Mesyuarat Agung Perwakilan Khas boleh diadakan pada bila-bila masa-

- (a) apabila difikirkan perlu oleh Lembaga ANGKASA; atau
- (b) apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu per lima atau satu ratus perwakilan koperasi anggota.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta boleh memanggil pada bila-bila masa suatu Mesyuarat Agung Perwakilan Khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya dan boleh menentukan perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti Mesyuarat Agung yang dipanggil menurut Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil ini.

Fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA

22. (1) Fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah termasuk yang berikut-

- (a) mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang lalu dan mana-mana Mesyuarat Agung Perwakilan Khas yang berselang;

- (b) membenteng laporan Lembaga ANGKASA dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- (c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta dan laporan juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
- (d) memilih dan melantik enam anggota Lembaga ANGKASA yang terdiri daripada seorang Presiden, seorang Timbalan Presiden dan empat orang Naib Presiden;
- (e) menimbang dan meluluskan bajet tahunan kewangan yang berikutnya;
- (f) membentangkan suatu laporan berkenaan dengan penerimaan deposit dan pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
- (g) mengesahkan pelantikan oleh Menteri, wakil Kementerian Menteri dan wakil Kementerian Kewangan menurut subperenggan 57(3)(b)(ii) Akta;
- (h) meluluskan elaun anggota Lembaga ANGKASA dan bayaran tugas kepada anggota jawatankuasa termasuk saraan yang akan dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga ANGKASA yang dilantik dalam subsidiari, jika ada, bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (i) meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua Juruaudit Luar, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun;
- (j) menentukan had maksimum keberhutangan;
- (k) memilih enam orang daripada Perwakilan koperasi anggota dan empat orang daripada Lembaga ANGKASA sebagai Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan;
- (l) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan Kumpulan wang lebihan mengikut seksyen 54 Akta;
- (m) menimbang dan meluluskan cadangan penubuhan subsidiari, jika ada;
- (n) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pelupusan harta tak alih dan ekuiti di dalam subsidiari;

- (o) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan Undang-undang Kecil ini dan Aturan, jika ada;
- (p) menimbang dan meluluskan surat cara skim simpanan, deposit atau pembiayaan, jika ada;
- (q) mendengar dan memutuskan apa-apa usul atau hal urusan lain ANGKASA yang diterima daripada koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung dipanggil telah diberikan kepada Lembaga ANGKASA;
- (r) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi;
- (s) menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut peraturan-peraturan, jika ada; dan
- (t) melantik seorang Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan seorang Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(2) Walau apa pun fasal (1), fungsi yang dinyatakan di dalam perenggan (g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r), (s) dan (t) boleh diputuskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Khas yang dipanggil di bawah subseksyen 40(1) Akta.

(3) Menurut subperaturan 14(3) Peraturan, fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang dinyatakan di dalam fasal (1) boleh diputuskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(1) Akta.

(4) Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang dilantik di perenggan (t) fasal (1) boleh menentukan turutan bagi agenda Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA mengikut kesesuaian.

Koperasi Anggota yang layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA

23. Hanya koperasi anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut Undang-undang Kecil 13 berhak menerima notis untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan koperasi anggota itu mempunyai satu undi sebagaimana menurut seksyen 30 Akta.

Perwakilan Koperasi Anggota

24. (1) Setiap koperasi anggota berhak menghantar Perwakilan Koperasinya untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) tertakluk kepada Undang-undang Kecil ini, prinsip yang terpakai ialah "satu koperasi satu perwakilan" dan "satu individu satu koperasi";
- (b) seseorang anggota koperasi anggota yang dipilih sebagai Perwakilan Koperasi hanya boleh menjadi Perwakilan Koperasi bagi koperasi anggota itu sahaja;
- (c) hanya Perwakilan Koperasi yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA:
 - i. Perwakilan Koperasi itu hendaklah dari kalangan anggota Lembaga koperasi anggota;
 - ii. Perwakilan Koperasi itu hendaklah dilantik dalam mesyuarat anggota Lembaga koperasi anggota itu; dan
 - iii. Perwakilan Koperasi tidak mempunyai apa-apa sekatan kelayakan untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada Undang-undang Kecil 23.

(2) Mana-mana Perwakilan Koperasi anggota layak menjadi calon untuk dilantik di bawah Undang-undang Kecil 22–

- (a) anggota Lembaga ANGKASA;
- (b) anggota Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA;
- (c) Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA; atau
- (d) Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(3) Seorang Perwakilan Koperasi tidak layak menjadi Perwakilan Koperasi apabila :

- (a) dia tidak lagi menjadi anggota Lembaga koperasi anggota yang diwakilinya;
- (b) dia tidak hadir Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tanpa sebab yang munasabah yang diberitahu terlebih dahulu;

- (c) dia menerima apa-apa pelantikan bergaji tetap di dalam ANGKASA;
- (d) dia tidak lagi menjadi anggota koperasi anggota yang diwakilinya;
- (e) koperasi anggota yang diwakilinya telah –
 - i. tidak lagi menjadi anggota ANGKASA;
 - ii. diletakkan di bawah pengambil alihan menurut Akta;
 - iii. digantung, dibubarkan atau dibatal pendaftarannya menurut Akta; atau
- (f) selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (e), apa-apa perkara lagi yang menyebabkan dia tidak layak menjadi Perwakilan Koperasi menurut Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil ini.

(4) Seseorang Perwakilan Koperasi akan terlucut jawatannya jika berlaku kekosongan kepada jawatannya di bawah Undang-undang Kecil ini. Kekosongan bagi Perwakilan Koperasi berlaku apabila Perwakilan Koperasi itu –

- (a) mati;
- (b) tidak layak menjadi Perwakilan Koperasi menurut fasal (3);
- (c) meletak jawatan; atau
- (d) gila atau kesihatannya menjejaskan prestasi tugas dan tanggungjawab menurut laporan pengamal perubatan yang dilantik Lembaga ANGKASA.

(5) Jika berlaku kekosongan dalam Perwakilan Koperasi, maka kekosongan tersebut boleh diganti dan hendaklah diisi dikalangan anggota Lembaga koperasi anggota berkenaan dan hendaklah mematuhi syarat kelayakan Perwakilan Koperasi serta dimaklumkan kepada Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan mengikut kaedah dan tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA.

Notis Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA

25. (1) Notis pemberitahuan bagi tarikh, masa, tempat dan agenda sesuatu Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA boleh ditentukan oleh Lembaga ANGKASA melalui cara dan bentuknya yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA termasuk cara penyampaian sama ada menggunakan media cetak dan elektronik yang dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan kepada koperasi anggota dalam tempoh yang difikirkan sewajarnya.

(2) Notis hendaklah dikemukakan dengan cara dan bentuk bersesuaian sebagaimana ditentukan oleh Lembaga ANGKASA bersama dokumen berikut:

- (a) Akaun dan kunci kira-kira ANGKASA dan subsidiarinya;
- (b) Belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (c) Laporan Lembaga;
- (d) Laporan Jawatankuasa Audit Dalam; dan
- (e) Dokumen lain yang berkaitan termasuk kertas cadangan atau usul koperasi anggota.

(3) Dokumen di bawah fasal (2) hendaklah dikemukakan kepada koperasi anggota tidak kurang daripada lima belas hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA sebagaimana menurut subseksyen 59(2) Akta.

(4) Lembaga ANGKASA boleh membuat apa-apa penentuan, untuk memastikan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dapat berjalan dengan lancar dan sempurna termasuk tatacara mengenai berkempen, bantahan dan tata etika calon tertakluk kepada Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Kuorum Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA

26. (1) Kuorum bagi sesuatu Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ialah—

- (a) dalam hal pindaan Undang-undang Kecil ini, tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah keseluruhan koperasi anggota, hendaklah hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu; dan
- (b) dalam hal-hal lain selain meminda Undang-undang Kecil, tidak kurang daripada satu per tiga daripada jumlah keseluruhan koperasi anggota, hendaklah hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(2) Sesuatu Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditentukan hendaklah, jika dipanggil menurut subseksyen 39(1) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditentukan itu.

(3) Sesuatu Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditentukan hendaklah —

- (a) Lembaga ANGKASA boleh dan hendaklah apabila ada rekuisisi koperasi anggota menurut subseksyen 40(1) Akta, dibatalkan; atau
 - (b) Jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditentukan itu.
- (4) Walau apa pun fasal (1)(b), bagi maksud fasal (2) dan perenggan (b) fasal (3) Undang-undang Kecil ini —
- (a) apa-apa jumlah koperasi anggota, yang tidak kurang daripada dua kali jumlah anggota Lembaga ANGKASA, yang menghadiri mesyuarat itu pada tarikh yang lain itu hendaklah disifatkan membentuk suatu kuorum;
 - (b) notis penangguhan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dihantar kepada semua koperasi anggota dalam masa tujuh hari dari tarikh yang ditentukan;
 - (c) perkara yang dicadangkan untuk dibincangkan pada tarikh yang ditentukan di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditangguhkan hendaklah dibincangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA itu, yang diadakan pada tarikh yang lain itu; dan
 - (d) keputusan yang dibuat di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA yang diadakan pada tarikh yang lain itu melalui undi dua pertiga daripada koperasi anggota yang menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diterima.

Kelayakan untuk menjadi anggota Lembaga ANGKASA

27. (1) Dalam menentukan sama ada seorang perwakilan layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga ANGKASA, kriteria yang berikut hendaklah diambil kira:

- (a) ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya; dan
- (b) reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya, dan dijalankan melalui proses penentusahan di peringkat koperasi yang diwakilinya.

(2) Tiada seorang perwakilan pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga ANGKASA, jika dia —

- (a) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota koperasi diwakilinya bagi koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun;
- (b) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta dan kesalahan boleh daftar sepertimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969, [Akta 7];
- (c) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (d) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sesuatu koperasi;
- (e) menerima apa-apa pelantikan bergaji tetap bagi sesuatu koperasi;
- (f) menjadi tidak sempurna akal atau selainnya, menjadi tidak berupaya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya; dan
- (g) terhenti menjadi anggota kepada koperasi anggota yang diwakilinya.

(3) Bagi mana-mana koperasi anggota yang kurang daripada lima puluh orang atau kurang dan bagi sesuatu koperasi sekolah adalah tidak tertakluk kepada perenggan (a) fasal (2).

(4) Kriteria koperasi yang diwakili hendaklah mempunyai —

- (a) prestasi kewangan yang kukuh dan impak signifikan kepada pergerakan koperasi;
- (b) kumpulan wang anggota yang positif;
- (c) keuntungan terkumpul positif; dan
- (d) kriteria lain ditentukan oleh Suruhanjaya termasuklah tiada tunggakan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, tunggakan TMP-SKM serta mematuhi sepenuhnya perundangan koperasi dalam tempoh tiga tahun terkini.

(5) Pencalonan anggota Lembaga ANGKASA hendaklah dikemukakan untuk penentusahan Suruhanjaya di bawah subseksyen 43(2) Akta.

(6) Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon dan menentukan tatacara yang jelas berhubung proses pencalonan Lembaga melalui Aturan dengan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Undi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA

28. (1) Tiap-tiap perwakilan koperasi anggota mempunyai satu undi dalam perjalanan hal ehwal ANGKASA.

(2) Semua perkara termasuk pindaan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan undi majoriti perwakilan koperasi anggota yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(3) Lembaga ANGKASA boleh menentukan kaedah pengundian dalam pelantikan jawatan di bawah perenggan (d), (k) dan (t) di bawah fasal (1) Undang-undang Kecil 22 melalui Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, jika terdapat bilangan undi yang sama banyak bagi sesuatu jawatan yang dipilih, maka pengundian semula hendaklah dilakukan sehingga suatu keputusan dicapai.

(4) Anggota yang menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tetapi tidak mengundi dianggap berkecuali serta tidak diambilkira dalam pengiraan undi bagi membuat sesuatu keputusan.

(5) Bagi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA yang ditunda, semua keputusan selain untuk pindaan Undang-undang Kecil hendaklah melalui undian dua pertiga daripada bilangan perwakilan koperasi anggota yang menghadiri mesyuarat itu.

(6) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus, menurut subseksyen 30(1) Akta.

Usul Koperasi Anggota

29. (1) Setiap koperasi anggota boleh mengemukakan usul atau hal urusan lain mengenai ANGKASA dengan memberi suatu notis yang tidak kurang dari tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dipanggil kepada Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan.

(2) Lembaga boleh menentukan tatacara mengemukakan usul melalui Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(3) Lembaga koperasi tidak mempunyai kuasa untuk menolak atau menahan sebarang usul yang diterima daripada dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan

30. (1) Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah disediakan dalam masa empat belas hari dari tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(2) Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan boleh:

(a) mengemukakan kepada Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA apa-apa pandangan berkaitan draf minit;

(b) memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang terdiri daripada enam perwakilan koperasi dan empat anggota Lembaga ANGKASA; dan

(c) tujuh orang Jawatankuasa di perenggan (b) yang hadir mesyuarat hendaklah membentuk suatu kuorum.

(3) Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah ditentukan oleh jawatankuasa yang dilantik menurut perenggan (k) fasal (1) Undang-undang Kecil 22.

(4) Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung itu.

(5) Lembaga ANGKASA hendaklah mengambil apa-apa tindakan berdasarkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang ditentukan.

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

31. (1) Mesyuarat hendaklah memilih mana-mana perwakilan koperasi anggota sebagaimana perenggan (t) fasal (1) Undang-undang Kecil 22 sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang berikutnya tiga kali berturut-turut dan apa-apa Mesyuarat Agung Perwakilan Khas dalam tempoh perkhidmatannya sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan.

(2) Walau apapun fasal (1), Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta boleh dipengerusikan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya.

(3) ANGKASA boleh menentukan kriteria kelayakan cara pelantikan, tugas dan kewajipan dan pengosongan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat dan melalui Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(4) Seorang Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan atau Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak layak masing-masing menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan atau Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan dan tempoh perkhidmatannya terhenti dengan serta merta apabila –

- (a) dia tidak lagi menjadi anggota Lembaga koperasi anggota yang diwakilinya;
- (b) dia tidak mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dalam tempoh menurut fasal (1) tanpa sebab yang munasabah yang diberitahu terlebih dahulu;
- (c) dia menerima apa-apa pelantikan bergaji tetap di dalam ANGKASA; atau
- (d) dia tidak lagi menjadi anggota koperasi anggota yang diwakilinya;
- (e) dia gagal untuk menzahirkan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hakikat kepentingan dan jenis kepentingannya itu menurut Undang-undang Kecil ini atau Aturan;
- (f) koperasi anggotanya telah –
 - i. tidak lagi menjadi anggota ANGKASA;
 - ii. diletakkan di bawah pengambil alihan menurut Akta;
 - iii. digantung, dibubarkan atau dibatal pendaftarannya menurut Akta; atau
 - iv. koperasi yang diwakilinya berstatus tidak aktif atau dorman melainkan dibuktikan sebaliknya.
- (g) dia tidak menjadi Perwakilan Koperasi; atau
- (h) selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (g), apa-apa perkara lagi yang menyebabkan dia tidak layak menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA atau Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA menurut Akta, Undang-undang Kecil ini, atau Aturan.

(5) Semasa ketiadaan Pengerusi atau atas arahannya, Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

(6) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tidak hadir, Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah dipengerusikan oleh Presiden atau memilih mana-mana Perwakilan Koperasi untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Lembaga ANGKASA

32. (1) Lembaga ANGKASA terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Presiden;
- (b) Timbalan Presiden;
- (c) empat orang Naib Presiden;
- (d) wakil Kementerian dari –
 - (i) Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi koperasi; dan
 - (ii) Kementerian Kewangan.

(2) Anggota Lembaga ANGKASA di bawah perenggan (a),(b),(c) fasal (1) hendaklah dilantik dengan sewajarnya dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA menurut seksyen 42 Akta.

(3) Anggota Lembaga ANGKASA di bawah perenggan (d) fasal (1), hendaklah dilantik oleh Menteri sebagaimana menurut subperenggan 57(3)(b)(ii) Akta.

(4) Seseorang anggota Lembaga ANGKASA hanya boleh mewakili sebuah negeri sahaja, kecuali negeri yang diwakili oleh Presiden.

(5) Presiden dan Timbalan Presiden dilantik berdasarkan undi yang tertinggi yang bertanding jawatan tersebut.

(6) Bagi maksud Undang-undang Kecil ini, negeri ditafsirkan suatu negeri di Malaysia menurut seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967.

Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga ANGKASA

33. (1) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga ANGKASA di bawah perenggan (a), (b) dan (c) fasal (1) Undang-undang Kecil 32 hendaklah mengosongkan jawatan pada setiap tahun di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(2) Kiraan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi secara bergilir-gilir pada setiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga ANGKASA yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga ANGKASA hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

(3) Penggiliran pengosongan jawatan tetap berlaku walaupun Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tidak diadakan. Walau bagaimanapun pengguguran hanya akan berlaku pada Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang terawal diadakan.

(4) Anggota Lembaga ANGKASA yang dilantik dibawah perenggan (d) fasal (1) Undang-undang Kecil 32 tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri itu.

(5) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (1), (2) dan (3).

Terhenti menjadi Anggota Lembaga ANGKASA

34. (1) Tempoh perkhidmatan seseorang anggota Lembaga ANGKASA terhenti atas sebab berikut:

- (a) mati;
- (b) meletak jawatan menurut Undang-undang Kecil 39;
- (c) ditamatkan keanggotaan menurut Undang-undang Kecil 37;
- (d) koperasi anggota yang diwakilinya telah –
 - i. tidak lagi menjadi anggota ANGKASA;
 - i. diambil alih kawalan menurut perenggan 69(2)(a) Akta; dan
 - ii. dibubarkan pendaftaran koperasi menurut seksyen 71 Akta dan dibatalkan pendaftaran koperasi di bawah seksyen 72 Akta.

Penggantungan dan Penamatan Anggota Lembaga ANGKASA

35. (1) Seseorang anggota Lembaga ANGKASA yang dilantik di bawah perenggan (a),(b), (c) fasal (1) Undang-undang Kecil 32 hendaklah disifatkan telah bertindak memudaratkan kepentingan ANGKASA atau pergerakan koperasi menurut subperaturan 21(1) Peraturan, jika dia didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:

- (a) merujuk pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;

- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai ANGKASA tanpa kebenaran Lembaga ANGKASA;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga ANGKASA;
- (d) memburuk-burukkan ANGKASA sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan ANGKASA sebagai suatu badan yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah Akta;
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat yang diberi kuasa dan diwakili kepadanya sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu;
- (f) gagal untuk menzahirkan kepada ANGKASA apa-apa kepentingan dalam suatu pembiayaan Islam atau kemudahan kredit sebagaimana menurut seksyen 44A Akta dan apa-apa berkaitan dengan memegang jawatan atau memiliki harta hendaklah mengisytiharkan hakikat dan jenis kepentingan itu menurut seksyen 44B Akta; atau
- (g) apa-apa tindakan lain yang memudaratkan kepentingan ANGKASA atau pergerakan koperasi sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA atau Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(2) Tiada seseorang anggota Lembaga ANGKASA boleh digantung melainkan jika dia telah diberikan peluang untuk didengar di mesyuarat Lembaga ANGKASA.

(3) Mana-mana anggota Lembaga ANGKASA yang digantung hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala hak, kewajipan dan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga ANGKASA, dan dia tidak berhak untuk menerima apa-apa elaun selama tempoh penggantungan itu.

(4) Mana-mana anggota Lembaga ANGKASA yang digantung, penamatannya hendaklah disahkan melalui pengesahan majoriti koperasi anggota yang diberikan di Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.

(5) Penamatan anggota Lembaga ANGKASA yang digantung hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penggantungannya.

(6) Jika penamatan mana-mana anggota Lembaga ANGKASA tidak disahkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, anggota Lembaga ANGKASA hendaklah mengekalkan jawatan anggota Lembaga ANGKASA itu dan apa-apa elaun yang sepatutnya kena dibayar kepada anggota Lembaga itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

(7) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pengendalian penggantungan dan penamatan menjadi anggota Lembaga termasuk memulakan prosiding, surcaj serta kuasa mengenakan hukuman melalui Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(8) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana - mana anggota Lembaga ANGKASA di bawah perenggan (d) fasal (1) Undang-undang Kecil 32 tanpa memberi apa-apa sebab.

Pelucutan jawatan Anggota Lembaga ANGKASA

36. Seseorang anggota Lembaga ANGKASA hendaklah lucut jawatannya dengan sendiri berkuat kuasa serta-merta jika dia —

- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;
- (b) dipecat atas perintah Suruhanjaya menurut seksyen 70 Akta;
- (c) hilang kelayakan sebagai anggota Lembaga ANGKASA menurut fasal (2) Undang-undang Kecil 27; atau
- (d) terhenti keanggotaan menurut Undang-undang Kecil 34.

Penamatan pelantikan Anggota Lembaga ANGKASA

37. (1) Walau apa pun peruntukan fasal (1) Undang-undang Kecil 33, Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA mempunyai kuasa menurut subperaturan 18(5) Peraturan untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga ANGKASA.

(2) Penamatan pelantikan yang disebut dalam fasal (1) adalah dengan syarat bahawa cadangan bertulis bagi penamatan pelantikan anggota Lembaga ANGKASA itu hendaklah disampaikan kepada anggota Lembaga ANGKASA sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu dipanggil.

(3) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua Lembaga ANGKASA hanya boleh dibuat selepas Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu mendengar penjelasan anggota Lembaga yang terlibat.

(4) Anggota Lembaga yang ditamatkan pelantikannya menurut Undang-undang Kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang akan datang.

_____ **RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG** _____

Penggantungan jawatan pegawai Koperasi

38. (1) Menurut subseksyen 47(1) Akta, anggota Lembaga ANGKASA hendaklah menggantung jawatan seseorang pegawai yang dikenakan tindakan prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan di bawah Akta sama ada yang melibatkan Koperasi ini atau mana-mana koperasi lain.

(2) Pegawai yang digantung jawatannya hendaklah berhenti menggunakan apa-apa hak atau melaksanakan apa-apa fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu dan dia tidak boleh menerima apa-apa saraan berkenaan dengan jawatan itu mulai tarikh prosiding dimulakan terhadapnya sehingga selesai dengan muktamadnya prosiding itu termasuk prosiding rayuan.

(3) Jika pegawai yang digantung jawatan itu dibebaskan, dia hendaklah dibayar apa-apa saraan yang sepatutnya kena dibayar kepadanya dalam penggantungan itu.

Peletakan jawatan Anggota Lembaga ANGKASA

39. (1) Menurut subperaturan 18(6) Peraturan, seseorang anggota Lembaga ANGKASA boleh mengosongkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Lembaga ANGKASA empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu.

(2) Keputusan menerima atau menolak permohonan meletakkan jawatan hendaklah dibuat oleh Lembaga ANGKASA di dalam mesyuarat Lembaga ANGKASA terawal selepas penerimaan notis itu.

Pengisian Kekosongan Jawatan Anggota Lembaga ANGKASA

40. (1) Kekosongan jawatan anggota Lembaga ANGKASA hendaklah diisi dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga ANGKASA dengan melantik mana-mana perwakilan koperasi anggota yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat pada tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang terawal diadakan.

(2) Walau apapun fasal (1), pengisian jawatan bagi maksud –

- (a) Presiden, hendaklah diisi oleh Timbalan Presiden;
- (b) Timbalan Presiden hendaklah diisi oleh Naib Presiden yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA;
- (c) Naib Presiden hendaklah diisi oleh mana-mana perwakilan koperasi anggota yang berkelayakan dan telah ditentusahkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 43(2) Akta; dan
- (d) wakil Kementerian hendaklah diisi oleh mana-mana wakilnya dengan cara pelantikan oleh Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelantikan itu.

Kuasa dan Tanggungjawab Presiden dan Timbalan Presiden

41. (1) Presiden hendaklah, antara lain, mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi memastikan kesempurnaan pentadbiran dan pengurusan keseluruhan ANGKASA serta pelaksanaan segala keputusan Lembaga ANGKASA dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga ANGKASA.

(2) Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga ANGKASA dan mana- mana Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga ANGKASA.

(3) Timbalan Presiden boleh melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1) dan (2), semasa ketiadaan Presiden dan menjalankan tugas yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Penzahiran kepentingan

42. (1) Seseorang Lembaga ANGKASA, Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga ANGKASA atau perwakilan koperasi anggota (tiap-tiap satunya disebut sebagai "orang itu") yang telah mempunyai atau memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, mana- mana kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya ANGKASA bercadang untuk membuat kontrak atau mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh ANGKASA dalam mana-mana mesyuarat yang berhubungan dengan ANGKASA hendaklah menzahirkan kepada ANGKASA, mengikut mana-mana yang berkenaan, kewujudan kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah fasal (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang berkenaan, dan selepas penzahiran itu, orang itu hendaklah-

- (a) tidak boleh mengambil bahagian ataupun hadir dalam mana-mana pertimbangan atau keputusan mana-mana mesyuarat yang berkenaan; dan
- (b) tidak diambil kira bagi maksud membentuk kuorum yang berhubung dengan perkara itu.

Kuasa dan kewajipan Lembaga ANGKASA

43. (1) Lembaga ANGKASA bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan ANGKASA dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga ANGKASA hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:

- (a) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga dalam tempoh lima belas hari selepas Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta;
- (b) mengemukakan minit semua Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu;
- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
- (d) menyimpan dan mengemaskini senarai daftar koperasi anggota, menurut seksyen 15 Akta;
- (e) menyenggara akaun bagi:
 - i. wang yang diterima dan yang dibelanjakan dan stok yang dibeli dan yang dijual; dan
 - ii. harta dan liabiliti Koperasi, dengan benar dan betul;
- (f) membenarkan perbelanjaan dan memberi kuasa terhadap perbelanjaan luar jangka, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang disenggara diuruskan dengan sempurna dan kemaskini;
- (g) melantik dan menentukan terma dan syarat perkhidmatan termasuk skim gaji bagi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan pekerja ANGKASA;
- (h) menjalankan kawalan am dan disiplin serta mengenakan hukuman disiplin ke atas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan pekerja ANGKASA;
- (i) menentukan bayaran perkhidmatan yang dikenakan ke atas kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh ANGKASA;
- (j) memanggil Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA menurut Undang-undang Kecil;
- (k) membentangkan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan —
 - i. minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang terdahulu dan mana-mana Mesyuarat Agung Perwakilan Khas yang berselang;
 - ii. laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;

- iii. akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta, laporan juruaudit dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
 - iv. belanjawan tahunan Koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;
 - v. cadangan elaun kepada anggota Lembaga dan upah kepada Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - vi. surat cara skim simpanan, deposit atau pinjaman, jika ada; dan
 - vii. cadangan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (l) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman dalam kalangan koperasi anggota;
 - (m) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan matlamat, fungsi dan aktiviti ANGKASA dengan sempurnanya dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
 - (n) memilih wakil ke perhimpunan, bengkel, taklimat dan seminar dalam dan luar negara;
 - (o) mengatur perjumpaan dan program yang berkaitan untuk kemudahan koperasi anggota;
 - (p) mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen mana-mana orang untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa tindakan yang dikehendaki dijalankan dalam melaksanakan matlamat, fungsi atau aktiviti ANGKASA;
 - (q) mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
 - (r) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
 - (s) memastikan kerahsiaan maklumat aktiviti ANGKASA dan koperasi anggotanya terpelihara; dan

- (t) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, peraturan-peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil dan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dari semasa ke semasa.

Mesyuarat Lembaga ANGKASA

44. (1) Mesyuarat Lembaga ANGKASA yang pertama hendaklah diadakan sebaik sahaja selesai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(2) Lembaga ANGKASA hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan.

(3) Mesyuarat Lembaga ANGKASA hendaklah juga diadakan sekiranya—

(a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan atau perintah; atau

(b) dua pertiga daripada Lembaga ANGKASA membuat permintaan secara bertulis dan hendaklah mengandungi dengan khususnya perkara yang hendak dibincangkan dalam mesyuarat itu.

(4) Notis hendaklah diberikan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat Lembaga ANGKASA diadakan dan disertakan agenda penuh kepada semua anggota Lembaga ANGKASA.

(5) Kuorum mesyuarat Lembaga ANGKASA hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan Lembaga ANGKASA menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 32.

(6) Tiap-tiap anggota Lembaga ANGKASA mempunyai satu undi.

(7) Semua perkara yang dibincangkan hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi.

(8) Presiden atau semasa ketiadaannya, Timbalan Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga ANGKASA. Jika tiada kedua-duanya, seorang Naib Presiden yang hadir dan yang dipilih oleh Lembaga ANGKASA hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga ANGKASA.

Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan

45. (1) Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan yang berfungsi untuk menyelaraskan urusan pelaksanaan untuk mencapai matlamat, fungsi dan aktiviti ANGKASA.

(2) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pelaksanaan jawatankuasa ini melalui Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Jawatankuasa ANGKASA Negeri

46. (1) Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa ANGKASA Negeri yang bertindak menjadi badan perhubungan antara Lembaga ANGKASA dan koperasi anggota di seluruh Malaysia.

(2) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pelaksanaan jawatankuasa ini melalui Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Jawatankuasa Audit Dalaman

47. Menurut subseksyen 42A (1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi lima orang terdiri daripada anggota koperasi anggota dilantik oleh Lembaga menurut perenggan (l) fasal (2) Undang-undang Kecil 43.

BAHAGIAN VI KEWANGAN ANGKASA

Wang dan kumpulan wang ANGKASA

48. (1) Wang dan kumpulan wang Koperasi boleh mengandungi—

- (a) fi masuk;
- (b) simpanan khas daripada anggota;
- (c) deposit daripada anggota;
- (d) pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
- (e) derma dan pemberian tertentu;
- (f) hasil dan keuntungan daripada apa sahaja sumber kewangan ANGKASA yang dibenarkan Akta; dan
- (g) kumpulan wang lain untuk kebajikan anggota dan masyarakat yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

(2) Bagi mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (g) fasal (1), Lembaga hendaklah membuat Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan satu salinan Aturan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu.

(3) Wang dan kumpulan wang ANGKASA hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga ANGKASA untuk melaksanakan peruntukan Undang-undang Kecil 8, 9 dan 10.

Pinjaman dan deposit

49. (1) Tertakluk kepada perenggan 50(1)(e) Akta dan peraturan-peraturan, ANGKASA boleh menerima deposit atau meminjam wang daripada koperasi anggotanya dan dengan kelulusan Suruhanjaya, meminjam daripada bukan anggota Koperasi.

(2) ANGKASA boleh meminjam daripada mana-mana institusi kewangan yang berlesen atau koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya menurut perenggan 50(1)(ea) dan subseksyen 50(2) Akta.

(3) Pada setiap Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, ANGKASA hendaklah—

- (a) memberitahu koperasi anggotanya mengenai deposit atau pinjaman yang diterima; dan
- (b) menetapkan had maksimum keterhutangan termasuk yang sedia ada.

(4) Tertakluk kepada seksyen 52A Akta, ANGKASA tidak boleh menerima deposit daripada orang yang bukan anggota koperasi itu kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya.

Simpanan khas

50. Menurut perenggan 50(1)(d) Akta, ANGKASA boleh menerima simpanan khas daripada anggota, yang boleh dikeluarkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil.

Pelaburan

51. (1) Wang berlebihan ANGKASA boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan Undang-undang Kecil.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh ANGKASA bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Pemberian pinjaman oleh Koperasi

52. Menurut seksyen 51 Akta, ANGKASA boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada—

- (a) koperasi anggota;
- (b) pekerjaanya termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan mereka; atau
- (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

BAHAGIAN VII PELBAGAI

Aturan

53. (1) Lembaga ANGKASA boleh mengeluarkan dan meluluskan Aturan yang memberi suai manfaat untuk menjalankan mana-mana peruntukan di dalam Undang-undang Kecil ini.

(2) Lembaga ANGKASA boleh menentukan kaedah dan cara penentuan bagi pengeluaran Aturan ini.

(3) Aturan ini terpakai kepada –

- (a) organisasi ANGKASA termasuk dan subsidiari jika ada;
- (b) koperasi anggota; dan
- (c) pekerja.

Keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA

54. Keputusan Mesyuarat adalah sah walaupun —

- (a) ketidakhadiran mana-mana Perwakilan Koperasi anggota yang layak menyertainya;
- (b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana Perwakilan Koperasi anggota yang layak menyertai;
- (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah Aturan dalamnya; atau
- (d) kehadiran atau penyertaan perwakilan koperasi anggota yang tidak layak menyertainya.

Pertukaran alamat anggota

55. Tiap-tiap koperasi anggota hendaklah memberitahu Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan akan pertukaran alamatnya dalam tempoh empat belas hari. Semua surat kepada koperasi anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan dengan apa-apa cara yang difikirkan munasabah oleh ANGKASA kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

Dokumen dan Akaun Bank

56. (1) Dokumen yang berkaitan dengan harta atau tanggungan terhadap ANGKASA hendaklah disenggarakan, diuruskan dengan sempurna dan dikemaskini oleh dua orang anggota Lembaga ANGKASA yang dipilih di kalangan anggota Lembaga melalui persetujuan mesyuarat Lembaga ANGKASA.

(2) Akaun Bank bagi ANGKASA hendaklah disenggara dan diuruskan oleh mana-mana dua orang atau lebih yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Resit dan baucar

57. (1) Resit hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain yang diterima. Resit itu hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan atau Pengurus Besar Kanan atau Pengurus Bahagian atau lain-lain orang yang diberi kuasa oleh Lembaga ANGKASA dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan serta disahkan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan atau Pengurus Besar Kanan atau Pengurus Bahagian atau lain-lain orang yang diberi kuasa oleh Lembaga ANGKASA dari semasa ke semasa.

Ikrar sebagai Lembaga ANGKASA

58. Tiap-tiap anggota Lembaga ANGKASA selepas Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA hendaklah melafazkan ikrar dalam bentuk yang ditentukan Lembaga ANGKASA yang mereka akan memperjuangkan konsep berkoperasi berdasarkan prinsip koperasi dan sentiasa menjaga hak dan kepentingan pergerakan koperasi di negara ini.

Pertikaian

59. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya.

(2) Mana-mana koperasi anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujuk pertikaian kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan pergerakan koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut Undang-undang Kecil 35.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad, menurut Peraturan.

Keanggotaan dalam badan lain

60. ANGKASA boleh menjadi anggota dalam mana-mana badan lain di dalam atau di luar Malaysia dengan tujuan untuk faedah dan kepentingan koperasi anggota dan pergerakan koperasi amnya.

Pembubaran

61. ANGKASA hanya boleh dibubarkan menurut peruntukan Akta.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

62. (1) Undang-undang Kecil ini dibuat tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan.

(2) Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya.

(3) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta Aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

Hubungan dengan Aturan

63. (1) Aturan bukan sebahagian daripada Undang-undang Kecil ini.

(2) Dalam hal di mana terdapat percanggahan atau ketakkonsistenan di antara peruntukan Undang-undang Kecil ini dan Aturan, peruntukan Undang-undang Kecil ini hendaklah, setakat percanggahan atau ketakkonsistenan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengatasi peruntukan Aturan.

Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota

64. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan koperasi anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap koperasi anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap koperasi anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Penyediaan dokumen untuk diperiksa

65. (1) Menurut seksyen 13 Akta, ANGKASA hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar ANGKASA —

(a) suatu salinan Akta dan Peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;

- (b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
- (c) suatu senarai koperasi anggota;
- (d) suatu senarai anggota Lembaga;
- (e) nama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan; dan
- (f) suatu senarai pegawai ANGKASA yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

(2) ANGKASA hendaklah juga menyediakan Aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota.

Penyerahan tugas

66. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam ANGKASA dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili ANGKASA

67. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili ANGKASA di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan ANGKASA sama ada di dalam atau di luar negeri, menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA yang akan datang yang terawal diadakan bagi ANGKASA.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh ANGKASA. ANGKASA berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada ANGKASA.

Pemeliharaan kerahsiaan

68. Anggota Lembaga ANGKASA, Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA, Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan, Jawatankuasa ANGKASA Negeri, Jawatankuasa Audit Dalaman, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan ANGKASA, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana Perwakilan Koperasi tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

Mohor ANGKASA

69. (1) Menurut seksyen 9 Akta, pendaftaran ANGKASA hendaklah menjadikannya suatu pertubuhan perbadanan dengan nama yang di bawahnya didaftarkan, yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(2) ANGKASA hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga ANGKASA.

(3) Dokumen yang diperbuat atas nama ANGKASA sama ada dimeteraikan atau tidak, dan ditandatangani dengan sahnya oleh Presiden, Timbalan Presiden atau empat orang Naib Presiden atau Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas ANGKASA sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pembatalan

70. (1) Undang-undang Kecil ANGKASA yang diluluskan sebelum ini adalah dibatalkan.

(2) Walaupun Undang-undang Kecil yang diluluskan sebelum ini dibatalkan, apa-apa keputusan, tindakan, hak, tanggungjawab, kuasa, liabiliti, tanggungan atau apa-apa perkara berhubungan dengan Undang-undang Kecil ANGKASA yang diluluskan sebelum ini yang dibuat atau dijalankan atau dilaksanakan, sebelum tarikh kuatkuasa Undang-undang Kecil ini yang sah, sempurna, teratur dan terpakai masih juga sah, sempurna, teratur dan terpakai sehingga dibatalkan atau disifatkan terbatal oleh atau timbul atau berbangkit daripada Undang-undang Kecil ini.

_____ **RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG** _____

JADUAL PERTAMA

ANGKASA Sebagai Koperasi Apeks



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 40
No. 11

23hb Mei 1996

TAMBAHAN No. 29
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 215.

AKTA KOPERASI 1993

PENGISYTIHARAN DI BAWAH PERENGGAN 57(2)(b)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993, Menteri mengisytiharkan Angkatan Koperasi ^{Aktin 502} Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bertarikh 9 Mei 1996.
[KTPK. (S) 07/49/1/9; PN. (PU³) 527/III.]

DATUK OSU BIN HAJI SUKAM,
Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

DECLARATION UNDER PARAGRAPH 57(2)(b)

IN exercise of the powers conferred by paragraph 57(2)(b) of the Co-operative Societies Act 1993, the Minister declares the Angkatan ^{Aktin 502} Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) to be the body representing the co-operative movement of Malaysia at the national and international level.

Dated 9 May 1996.
[KTPK. (S) 07/49/1/9; PN. (PU³) 527/III.]

DATUK OSU BIN HAJI SUKAM,
Minister of Land and Co-operative Development

JADUAL KEDUA
[Undang-undang Kecil 11]

Fi Masuk


Fi Masuk (RM)

<i>Jenis koperasi anggota</i>	<i>koperasi dewasa</i>	<i>koperasi sekolah</i>
(a) koperasi asas	100.00	30.00
(b) koperasi menengah	200.00	50.00
(c) koperasi atasan	300.00	100.00


Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-37 pada 24 Jun 2023.



.....
(DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH)
PRESIDEN



.....
(DR. HJ. MUHD AZLAN YAHYA)
TIMBALAN PRESIDEN



.....
(PROF. MADYA DATO' DR. HJ. ABDUL RAHMAN ABDUL RAZAK SHAIK)
ANGGOTA LEMBAGA